

09 APR 1997

Alam sekitar

KABINET MAHU CEO DIPENJARA JIKA SYARIKATNYA MENCEMAR ALAM SEKITAR

KUALA LUMPUR, 9 April (Bernama) -- Mulai sekarang kerajaan akan memohon kepada mahkamah supaya hukuman penjara mandatori dikenakan ke atas ketua pegawai eksekutif (CEO) syarikat-syarikat yang didapati bersalah menyebabkan kemusnahan alam sekitar yang serius.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding berkata Jemaah Menteri memandang berat kemusnahan alam sekitar akibat kerja-kerja pembangunan dan mahu hukuman penjara dikenakan bagi mencegah perbuatan itu berleluasa.

"Kabinet telah mengarahkan kementerian ini mengenakan hukuman penjara mandatori selain daripada denda kerana mendapati hukuman denda sahaja tidak memadai kerana pesalah alam sekitar boleh membayarnya," katanya kepada pemberita di pejabatnya selepas menghadiri mesyuarat mingguan Kabinet.

Mengikut Akta Kualiti Alam Sekeliling (1974) (Pindaan 1996), mereka yang menyebabkan pencemaran serius boleh didenda sehingga RM100,000 atau penjara lima tahun atau kedua-duanya. Sehingga ini belum ada pesalah yang dikenakan penjara.

Beliau berkata Kabinet juga memutuskan pegawai-pegawai kerajaan yang secara tidak cermat meluluskan pelan susunatur yang tidak praktikal untuk dilaksanakan akan diminta bertukar ke bahagian lain atau menghadapi tindakan dibeku kenaikan pangkat.

Sebagai contoh, beliau berkata terdapat satu dua kes di mana pelan susunatur bagi sebuah bandar baru di kawasan berbukit diluluskan walaupun pembangunan seperti itu tidak sesuai bagi kawasan berkenaan kerana ia akan membabitkan pemotongan banyak tanah dan pokok yang akan menimbulkan masalah alam sekitar seperti berlaku banjir, tanah runtuh dan pemedapan.

Pendirian tegas Kabinet itu dibuat berikutan pendedahan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad awal bulan lepas mengenai pembotakan sebuah kawasan berbukit di Ulu Klang, Selangor, bagi satu projek pembinaan.

"Kabinet juga mendapati kekurangan pegawai penguatkuasa bukan satu alasan yang baik untuk membiarkan kemusnahan alam sekitar berterusan kerana sesetengah daripada kemusnahan itu berlaku cuma bersebelahan dengan pejabat pihak berkuasa," kata Law.

Lagi pun, katanya, pihak berkuasa penguatkuasa berkenaan boleh mendapatkan bantuan pihak tentera untuk mengawasi keadaan.

Bagi kes di Ulu Klang itu, Law berkata kementerian akan cuba mendesak supaya hukuman denda lebih berat dikenakan terhadap pemaju berkenaan dan menambah kata arahan henti kerja yang dikeluarkan oleh Jabatan Alam Sekitar terhadap pemaju berkenaan masih berkuatkuasa kerana ia masih belum mengemukakan rancangan pemulihan.

Law juga berkata Kabinet telah meluluskan pembinaan stesen bumi berharga RM91 juta bagi menerima gambar-gambar dan data satelit.

Bagaimanapun beliau enggan memberitahu tapak stesen seluas 40 hektar itu sebelum mendapat kelulusan daripada kerajaan negeri berkenaan. Kerja pembinaan akan dimulakan secepat mungkin dan memakan masa dua tahun untuk siap. -- BERNAMA

JM OBA